

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

SOALAN NO. 463

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik penempatan doktor-doktor pelatih dan apakah jaminan bahawa mereka akan diambil bekerja secara tetap selepas menjalani latihan dua tahun latihan di hospital-hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2019, seramai 15,246 orang Pegawai Perubatan UD41 telah dilantik secara kontrak sejak tahun 2016 dan daripada jumlah tersebut seramai 4,202 orang Pegawai Perubatan UD41 telah dilantik secara kontrak bagi tahun 2019. Pegawai Perubatan UD41 telah dilantik secara kontrak bagi menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib mulai tahun 2016 bagi memenuhi keperluan Akta Perubatan 1971 dan profesion sebelum diberikan Sijil Pendaftaran Penuh sebagai Pegawai Perubatan berdaftar.

Bagi memastikan graduan mendapat pendedahan yang mencukupi, Kerajaan mensyaratkan untuk graduan melengkapkan khidmat wajib untuk tempoh selama dua (2) tahun. Justeru, tempoh maksimum kontrak adalah selama lima (5) tahun merangkumi khidmat wajib dan *housemanship* (latihan siswazah). Kerajaan akan melantik bakat terbaik yang memenuhi syarat skim perkhidmatan dan kriteria khusus yang ditetapkan selepas 2 atau maksimum 3 tahun untuk diberi pertimbangan ke lantikan tetap bagi memenuhi keperluan perkhidmatan, tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Berikutan pertambahan dalam jumlah keluaran graduan, Kerajaan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan sepenuhnya kepada graduan-graduan kerana perjawatan diwujudkan berdasarkan keperluan fasiliti kesihatan sahaja. Pegawai Perubatan Gred UD41 (Kontrak) yang telah tamat latihan siswazah, mendapat Pendaftaran Penuh dan melengkapkan khidmat wajib tetapi tidak dilantik tetap ke sektor awam, berpeluang untuk bekerja di agensi lain dalam sektor awam seperti di hospital-hospital universiti, sektor swasta dan syarikat yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kesihatan seperti makmal perubatan swasta, syarikat farmaseutikal dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.